

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

2. Dasar Kerajaan Negeri yang mengutamakan Cekap, Akauntabiliti dan Telus menjadi pemangkin kemakmuran Kerajaan Negeri selama ini. Walau bagaimanapun, dari segi mutu perkhidmatan kepada rakyat terutama MBPP masih mempunyai ruang yang banyak untuk diperbaiki terutama pelantikan kontraktor pembersihan.
 - (a) Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam pelantikan ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Pelantikan kontraktor pembersihan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dibuat oleh Lembaga Perolehan atau Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga tertakluk kepada nilai kerja tersebut. Lembaga Perolehan ditubuhkan melalui bidang kuasa di bawah peruntukkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Pekeliling Perbendaharaan dan dimaktubkan ke dalam Peraturan-Peraturan Tetap MBPP 1998. Keanggotaan Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:-
 - (i) Datuk Bandar – Pengerusi
 - (ii) Setiausaha Bandaraya – Ahli
 - (iii) Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya – Ahli
 - (iv) Dua (2) Ahli Majlis – Ahli

- (v) Pengarah Khidmat Pengurusan atau wakilnya -
Setiausaha

Pelantikan Ahli Majlis sebagai Ahli Lembaga Perolehan PBT ditetapkan sebagai dasar Kerajaan Negeri pada tahun 2008.

Pelantikan kontraktor pembersihan MBPP dibuat secara kontrak bagi tempoh dua (2) tahun dengan opsyen pelanjutan selama satu (1) tahun di kawasan tempat awam dan skim perumahan bertanah kecuali harta persendirian. Pelantikan kontraktor ini adalah berpandukan kepada penilaian aspek-aspek seperti berikut:-

- (i) Tawaran perkhidmatan yang paling ekonomi dan paling hampir kepada nilai anggaran MBPP;
- (ii) Mempunyai rekod kedudukan kewangan syarikat yang kukuh; dan
- (iii) Pengalaman dan keupayaan pihak syarikat memenuhi spesifikasi teknikal termasuk dari penyediaan jumlah tenaga kerja, kenderaan dan kelengkapan mesin sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen tender.

Bagi syarikat-syarikat yang gagal menyediakan mutu perkhidmatan yang memuaskan serta tidak mematuhi syarat-syarat kontrak, MBPP akan mengenakan hukuman tata tertib terhadap syarikat-syarikat tersebut seperti berikut:-

- (i) Amaran;
- (ii) Denda /Potongan bayaran perkhidmatan;
- (iii) Penamatian Kontrak;
- (iv) Gantung penyertaan; dan
- (v) Disenarai hitam.